

24/10/2003

Pelancong tidak terpengaruh hasutan pelobi

KUALA LUMPUR: Beberapa warga asing termasuk rakyat yang dilahirkan di Israel mendakwa tindakan Pusat Simon Wiesenthal iaitu kumpulan pelobi kepentingan Yahudi yang mendesak pelancong dan pelabur memulau Malaysia dengan mengecap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anti-Semitik, sebagai satu tindakan yang bodoh.

Mereka berpendapat badan pelobi bagi masyarakat Yahudi yang berpengaruh di Amerika Syarikat itu, tidak memahami apa yang dimaksudkan Perdana Menteri dalam ucapannya tetapi segera menempelak Dr Mahathir walaupun apa yang dikatakannya adalah benar serta berdasarkan fakta.

Seorang warga asing, Monika Wallstab, 44, berkata walaupun dilahirkan di Israel beliau tidak memihak kepada negara berkenaan kerana apa yang dikatakan Dr Mahathir itu benar.

Katanya, Presiden Amerika, George W Bush juga melakukan perkara yang sama tetapi beliau tidak pernah ditegur dan perkara itu sepatutnya disedari banyak pihak.

"Sepanjang saya mengikuti perkembangan semasa, Dr Mahathir adalah lebih baik berbanding Bush, Blair (Tony Blair, Perdana Menteri Britain) dan Howard (John Howard, Perdana Menteri Australia)," katanya.

Sambil mengakui Yahudi memang terpaksa hidup dalam kesusahan pada peringkat awal, namun beliau menegaskan yang kaum berkenaan kini memang menguasai dunia terutama menerusi kuasa wang.

Katanya, sepanjang menetap di negara ini sejak 1997, beliau mendapati Malaysia semakin maju di bawah kepemimpinan Dr Mahathir dan sentiasa menyokong negara ini walaupun hanya menetap di sini mengikut suaminya yang bekerja di sebuah syarikat minyak.

Katanya, Dr Mahathir banyak melakukan perkara yang baik bukan saja untuk negaranya malah masyarakat luar dan kepemimpinan beliau terserlah pada peringkat antarabangsa.

Sementara itu, seorang warga Iran, Hayadeh, 52, berkata ramai yang tidak memahami ucapan Perdana menteri itu sebenarnya juga ditujukan kepada orang Islam dan juga negara Arab.

Katanya, Perdana Menteri sebenarnya tidak mengutuk Yahudi tetapi lebih merujuk kepada umat Islam sendiri yang lemah dan tidak berdaya menghalang bangsa berkenaan daripada terus menguasai mereka.

"Semua orang mengetahui, Yahudi menguasai England (Britain) dan Amerika. Bush juga tidak akan menjadi Presiden Amerika jika tidak mendapat sokongan

Yahudi," katanya.

Beliau berkata, Mahathir banyak menolong rakyat negara ini untuk maju dan beliau juga sangat lantang dalam mempertahankan hak serta kepentingan umat Islam di seluruh dunia.

Kelmarin, agensi berita antarabangsa memetik Pusat Simon Wiesenthal, melancarkan kecaman balas terhadap Dr Mahathir dan Malaysia kerana melabel kaum Yahudi bangsa yang angkuh dan mengatakan mereka menguasai dunia menerusi proksi.

Pusat itu menggesa pelabur dan pelancong tidak mengunjungi Malaysia sehingga jelas penggantinya tidak menyokong pandangan itu apabila beliau bersara penghujung bulan ini, lapor Agence France Presse (AFP) yang memetik firma itu.